

U B225 DEB  
PAIRIN  
(I)

KUALA LUMPUR, 17 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA, KEADAAN YANG WUJUD DI SABAH SEKARANG MERUPAKAN MASALAH POLITIK DAN MESTI DISELESAIKAN SECARA POLITIK.

BELIAU MENYATAKAN DEMIKIAN DALAM PERTEMUANNYA DENGAN KETUA MENTERI SABAH, DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN YANG MENGUNJUNGI PERDANA MENTERI UNTUK MEMBERI TAKLIMAT MENGENAI KEADAAN DI SABAH SEKARANG.

SEMASA BERCAKAP PADA SATU SIDANG AKHBAR DI SINI, DATUK PAIRIN BERKATA, PERDANA MENTERI JUGA MENERIMA BAHAWA PILIHAN RAYA ADALAH SATU DARIPADA CARA UNTUK MENENANGKAN KEADAAN DI NEGERI ITU.

+SAYA MEMBERI JAMINAN KEPADANYA TENTANG HASRAT KAMI HENDAK MENYELESAIKAN MASALAH MELALUI CARA POLITIK, SAMBIL MEMBAYANGKAN SEBAB-SEBAB PERKARA ITU HARUS DISELESAIKAN MELALUI PILIHAN RAYA,+ TAMBAHNYA.

DATUK PAIRIN BERKATA, BELIAU TELAH MENGEMUKAKAN SATU MEMORANDUM KEPADA PERDANA MENTERI TENTANG + APA YANG SAYA TAHU BERLAKU DI SABAH.+

DATUK SERI DR MAHATHIR, MENURUT DATUK PAIRIN, MENYATAKAN BAHAWA BELIAU MEMAHAMI KEADAAN DI SANA DAN MEMBERI JAMINANNYA BAHAWA KERAJAAN PUSAT TIDAK BERHASRAT HENDAK MENGUATKUASAKAN PEMERINTAHAN DHARURAT DI SANA, + KERANA POLIS BOLEH MENGENDALIKAN KEADAAN.+

+PERDANA MENTERI MEMBERI JAMINAN KEPADA KAMI TENTANG TANGGUNGJAWAB KERAJAAN PERSEKUTUAN TERHADAP KESELAMATAN NEGERI,+ KATA DATUK PAIRIN, SAMBIL MENAMBAH BAHAWA BELIAU PUAS HATI DENGAN PERTEMUAN SELAMA SEJAM DENGAN PERDANA MENTERI. -- LAGI.

1954MST 17 03 86

B B229 AAB  
PAIRIN 2 KUALA LUMPUR  
(I)

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENGGESA KERAJAAN NEGERI DAN RAKYAT NEGERI ITU BERTENANG DAN BEKERJASAMA DENGAN PIHAK YANG BERKUASA.

DATUK PAIRIN MEMBERI JAMINAN KEPADA PERDANA MENTERI BAHAWA RAKYAT DI SABAH, DALAM KEADAAN SEKARANG, MENERIMA BAIK RAYUAN KERAJAAN NEGERI SUPAYA BERTENANG.

KETUA MENTERI ITU MENERANGKAN KEPADA PERDANA MENTERI FAKTA-FAKTA BERHUBUNG DENGAN PEMBERIAN BIASISWA DAN SOAL-SOAL YANG BERKAITAN DENGAN PERTUKARAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM SEBAGAI MENJAWAB DAKWAAN OLEH USNO DAN BERJAYA KONONNYA PBS ANTI-ISLAM DAN RAKYAT BERAGAMA ISLAM DI NEGERI ITU TERANCAM.

DATUK PAIRIN MEMBERITAHU PERDANA MENTERI BAHAWA DAKWAAN-DAKWAAN ITU TIDAK BENAR DAN TIDAK BERASAS.

BELIAU JUGA BERKATA, TIDAKLAH BENAR DAKWAAN KONONNYA PBS YANG BERTANGGUNGJAWAB MENCEMARAKAN MASJID NEGERI.

PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU TIDAK PERCAYA KEPADA DAKWAAN-DAKWAAN ITU. -- LAGI.

1947MST 17 03 86